Pendakwa Raya lwn Wong Ah Kean

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–65 TAHUN 2008
ZAINAL AZMAN PK
22 JUNE 2009

Prosedur Jenayah — Hukuman — Kecukupan hukuman — Menyebabkan keguguran kandungan wanita yang hamil — Kanun Keseksaan s 312 — Sama ada kesalahan yang serius — Sama ada hukuman deteren patut dikenakan — Sama ada umur dan kesihatan tertuduh tidak patut dijadikan alasan untuk meringankan hukuman

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 312 — Keguguran — Menyebabkan keguguran kandungan wanita yang hamil — Wanita meninggal dunia akibat daripada tindakan pembantu klinik menggugurkan kandungannya — Sama ada tertuduh bersalah

Tertuduh (seorang pembantu klinik) telah diminta oleh mangsa ('Fatriani') untuk menggugurkan kandungannya yang berumur lebih daripada 3 bulan. Tertuduh bersetuju untuk menjalankan pengguguran itu dengan bayaran RM700. Tertuduh kemudiannya telah menjalankan prosedur pengguguran yang telah mengakibatkan mangsa mengalami kehilangan darah yang banyak. Tertuduh telah memberikan pil tahan darah kepada mangsa dan menyuruh mangsa berehat di atas kerusi malas. Beberapa jam kemudian mangsa telah meninggal dunia. Hasil bedah siasat menunjukkan sebab kematian mangsa adalah 'excessive blood loss due to traumatic termination of pregnancy'. Tertuduh dituduh di bawah s 312 Kanun Keseksaan atas kesalahan menggugurkan kandungan dengan niat untuk menyebabkan keguguran kepada Fitriani. Tertuduh telah mengaku salah akan pertuduhan pilihan dan hakim bicara telah menjatuhkan hukuman denda RM6,000 dan jika gagal dibayar, penjara enam bulan. Tertuduh yang berumur 61 tahun semasa kejadian menghidapi penyakit seperti Hepatitis B, tekanan darah tinggi, rheumatism serta gastritis. Pihak pendakwa raya telah merayu terhadap hukuman.

Diputuskan, membenarkan rayuan pihak pendakwaan:

(1) Tertuduh telah membiarkan mangsa terbaring kesakitan tanpa mendapatkan rawatan segera walaupun mengetahui mangsa mengalami pendarahan yang banyak. Kematian mangsa adalah akibat secara

A langsung daripada perbuatan tertuduh yang menjalankan pengguguran walaupun mengetahui risiko menjalankan pengguguran tersebut (lihat perenggan 13–14).

(2) Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah satu kesalahan yang serius dan satu hukuman deteren patut dikenakan. Hukuman yang B dijatuhkan oleh hakim bicara adalah 'manifestly inadequate' dan gagal menimbangkan faktor-faktor penting terhadap perbuatan tertuduh dan harus diketepikan (lihat perenggan 16 & 18).

(3) Fakta umur dan kesihatan tertuduh tidak patut dijadikan alasan untuk C meringankan hukuman kerana tertuduh telah tahu akan risiko untuk meneruskan pengguguran tersebut tetapi sanggup untuk menjalankannya atas bayaran RM700 (lihat perenggan 19).

[English summary

D The accused (a clinic assistant) was asked by the victim ('Fitriani') to terminate her pregnancy of more than three months. The accused agreed to carry out the abortion for a fee of RM700. The accused subsequently carried out the abortion procedure which caused the victim severe loss of blood. The accused prescribed some pills to the victim to stop the bleeding and told the E victim to rest on a lazy chair. Several hours later the victim died. The post-mortem report showed that the cause of the victim's death was 'excessive blood loss due to traumatic termination of pregnancy'. The accused was charged under s 312 of the Penal Code for the offence of terminating the pregnancy with the intent to cause miscarriage to Fitriani. The accused F pleaded guilty to an alternative charge and the trial judge imposed the sentence of a fine of RM6,000 and in default, six months imprisonment. The accused who was aged 61 years at the time of the offence was suffering from diseases such as Hepatitis B, high blood pressure, rheumatism and gastritis. The prosecution appealed against the sentence.

G

Held, allowing the prosecution's appeal:

(1) The accused had left the victim lying in pain without getting immediate treatment knowing that the victim was suffering from severe loss of H blood. The death of the victim was the direct result of the act of the accused who had carried out the abortion despite knowing the risk of carrying out the abortion (see paras 13–14).

(2) The offence committed by the accused was a serious offence and a deterrent sentence ought to have been imposed. The sentence meted I out by the trial judge was manifestly inadequate and had failed to

consider the important factors against the act of the accused and ought be set aside (see paras 16 & 18).

(3) The age and health factors of the accused should not be made a mitigating factor as the accused knew of the risk of carrying out the abortion and yet was willing to do it for a fee of RM700 (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai s 312 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1625.

Untuk kes-kes mengenai kecukupan hukuman lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3290–3323.

Kes-kes yang dirujuk

Gek Sing a/l Kaliappan v PP [1999] 6 MLJ 641, MT (dirujuk)

R v Kenneth John Ball (1951) 35 Cr App R 164, MR (diikuti)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 312

Nor Asma Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Francis Goh (Francis Goh & Co) bagi pihak tertuduh.

Zainal Azman PK:

PENGENALAN

[1] Tertuduh, Wong Ah Kean (responden) telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di atas pertuduhan pilihan seperti berikut:

Pertuduhan Pilihan

> Bahawa kamu pada 15.07.07 jam lebih kurang 11.00 pagi di Kelinik Sui On Medical Hall, 84 B Jalan Hang Kasturi, Kuala Lumpur secara sukarela telah melakukan satu perbuatan iaitu menggugurkan kandungan dengan niat untuk menyebabkan keguguran kepada Fitriani P/Port: AA 531447. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 312 Kanun Keseksaan.

(Peruntukan hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun atau denda atau kedua-duanya).

A **[2]** Tertuduh telah mengaku salah akan pertuduhan pilihan, memahami sifat dan akibat pengakuan, hakim bicara telah menjatuhkan hukuman denda RM6000 dan jika gagal dibayar, penjara enam bulan.

B **[3]** Tertuduh berumur 61 tahun semasa kejadian dan bekerja sebagai pembantu klinik tetapi telah berhenti kerja selepas kejadian ini. Suami tertuduh berumur 64 tahun dan bekerja sebagai penjaja buah-buahan. Tertuduh juga mempunyai penyakit seperti Hepatitis B, tekanan darah tinggi, rheumatism serta gastritis dan mendapat rawatan secara berterusan daripada Pusat Perubatan Prima HUKM.

C **[4]** Pihak pendakwa raya yang tidak berpuas hati akan hukuman di atas telah memfailkan rayuan atas keputusan hakim mahkamah sesyen tersebut.

D FAKTA KES

[5] Berdasarkan kepada fakta kes (ms 6 dan 7 rekod rayuan) tertuduh telah menerima panggilan telefon daripada mangsa, Fatriani, yang memberitahu beliau hendak menggugurkan kandungan beliau yang berumur lebih
E daripada tiga bulan. Tertuduh pada mulanya memaklumkan bahawa ia hanya jalankan pengguguran sekiranya umur kandungan kurang daripada tiga bulan.

[6] Setelah berbincang dengan mangsa, tertuduh bersetuju untuk
F menjalankan pengguguran kandungan mangsa dengan bayaran RM700. Tertuduh kemudiannya telah memasukkan lima batang tiub plastik ke dalam kemaluan mangsa dan bermalam di sana.

[7] Pada 15 Julai 2007, lebih kurang jam 11 pagi, tertuduh telah cuba
G untuk mencabut lima batang tiub plastik dari dalam kemaluan mangsa dan menggunakan *forceps* untuk mengeluarkan bayi tetapi tidak berjaya dan mangsa telah mengadu sakit perut.

[8] Selepas itu, tertuduh mendapati banyak darah keluar daripada
H kemaluan mangsa dan tertuduh telah memberikan pil tahan darah kepada mangsa dan menyuruh mangsa berehat di atas kerusi malas. Pada jam 5 petang tertuduh mendapati mangsa telah meninggal dunia.

[9] Pada 15 Julai 2007 jam 8 malam, En Huzairi Zakaria yang bertugas
I sebagai pembantu perubatan sambilan telah menerima panggilan kecemasan

dari tertuduh dan pergi ke tempat kejadian. Beliau telah pergi ke tempat kejadian dan mendapati mangsa berada di atas kerusi malas dan telah meninggal dunia dalam keadaan terbaring.

[10] Hasil bedah siasat ke atas mangsa mendapati sebab kematian mangsa adalah 'excessive blood loss due to traumatic termination of pregnancy'.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[11] Adalah jelas daripada fakta kes di atas bahawa tertuduh tahu akan umur kandungan mangsa lebih daripada tiga bulan dan risiko yang timbul jika pengguguran dilakukan. Tetapi tertuduh tetap melakukan pengguguran tersebut atas bayaran RM700 walaupun mengetahuai risiko yang bakal menimpa mangsa.

[12] Setelah mendapati mangsa mengalami banyak pendarahan, tertuduh membiarkan mangsa terbaring di atas kerusi malas tanpa pemantauan dari jam 11 pagi sehinggalah jam 5 petang apabila tertuduh mendapati mangsa sudah meninggal dunia.

[13] Juga, ambulan hanya dipanggil jam 8 malam untuk mangsa dibawa ke hospital. Jelas, tertuduh telah dengan sengaja membiarkan mangsa terbaring kesakitan tanpa mendapatkan rawatan segera walaupun mengetahui mangsa mengalami pendarahan yang banyak.

[14] Kematian mangsa akibat 'excessive blood loss due to traumatic termination of pregnancy' adalah akibat secara langsung daripada perbuatan tertuduh yang menjalankan pengguguran ke atas mangsa, walaupun mengetahui risiko menjalankan pengguguran tersebut.

[15] Akibat daripada perbuatan tertuduh, dua nyawa telah melayang, iaitu nyawa mangsa dan bayinya yang berumur lebih daripada tiga bulan.

[16] Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah satu kesalahan yang serius dan satu hukuman yang deteren patut dikenakan terhadap tertuduh untuk menyedarkan masyarakat bahawa perbuatan ini bukan saja di luar batasan moral tetapi juga sesuatu yang serius di sisi undang-undang. Satu hukuman yang berat harus dikenakan sebagai pengajaran kepada masyarakat bahawa perbuatan sebegini tidak boleh diterima oleh masyarakat umum.

[17] Di dalam kes *R v Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164, mahkamah menyatakan, antara lain:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the sup-position, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible.

Prinsip di atas adalah terpakai dalam kes di hadapan mahkamah ini.

[18] Di dalam kes *Gek Sing a/l Kaliappan v Public Prosecutor* [1999] 6 MLJ 641, mahkamah menyatakan, antara lain:

> In an appeal on sentence from the subordinate courts, the High Court will not interfere with the sentence imposed, even should it be felt that a higher or lower sentence would be more appropriate, unless it can be shown to its satisfaction that in the circumstances of the particular case, the sentence was manifestly excessive or inadequate or that in fixing the sentence, the subordinate court had failed to adequately consider all relevant factors, either for or against the offender. See *Joginder Singh v Public Prosecutor* [1984] 2 MLJ 133; *Leong Ka Kong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 21; and *Public Prosecutor v Ng Chong Wan* [1988] 3 MLJ 114.

Di dalam kes ini, saya putuskan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen adalah 'manifestly inadequate' dan gagal menimbangkan faktor-faktor penting terhadap perbuatan tertuduh dan harus diketepikan.

[19] Fakta umur dan kesihatan tertuduh tidak patut dijadikan alasan untuk meringankan hukuman kerana tertuduh telah tahu akan risiko untuk meneruskan pengguguran tersebut tetapi sanggup untuk menjalankannya atas bayaran RM700.

[20] Menimbangkan faktor-faktor di atas, saya putuskan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah ringan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

[21] Rayuan perayu dibenarkan dan hukuman denda RM6000 diketepikan dan diganti dengan hukuman penjara dua (2) tahun mengikut s 312 Kanun Keseksaan.

Rayuan pihak pendakwaan dibenarkan.

Reported by Kanesh Sundrum